

KL dilanda banjir kilat, ribut

Oleh AZZMAN ABDUL JAMAL

KUALA LUMPUR – Hujan lebat sejak pukul 5 petang yang berlarutan hampir tiga jam menyebabkan beberapa kejadian banjir kilat di sekitar ibu negara di sini semalam.

Tinjauan *Kosmo!* di beberapa kawasan mendapati angin kencang dan ribut turut menyebabkan beberapa kejadian pokok tumbang, kesesakan lalu lintas serta sebuah komuter terkandas di laluan Putra menghala ke Segambut.

Kejadian angin kencang itu juga meranapkan khemah dan menerbangkan kerusi di pekarangan bangunan Kementerian Perdagangan Antara-bangsa dan Industri (MITI) di Jalan Duta.

Penolong Kanan Penguasa Bomba Kuala Lumpur, Wahid Mahat berkata, antara kawasan yang terjejas ialah Segambut, Bukit Tunku, Taman OUG, Jalan Dutamas dan Jalan Puchong.

“Paras air naik kira-kira 0.5 meter di beberapa lokasi menyebabkan puluhan kenderaan rosak dan ditenggelami air.

“Selain itu, kira-kira 100 orang terkandas dalam sebuah komuter yang sedang menghala ke hentian Segambut apabila sebatang pokok tumbang menghempap kabel elektrik di Jalan Putra Mas 1, off Jalan Kucing menyebabkan laluan terhalang dan tren terhenti akibat bekalan elektrik terputus,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.



ANGIN kencang meranap dan menerbangkan khemah serta kerusi bagi sambutan majlis Aidilfitri di pekarangan Bangunan MITI di Jalan Duta, Kuala Lumpur semalam.



BEBERAPA kenderaan digenangi air ekoran banjir kilat di Jalan Rahmat, Kuala Lumpur semalam.

Menurut Wahid, sebanyak 43 pegawai dan anggota daripada Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang, Titivangsa, Hang Tuah, Sentul, Seputeh, Sri Hartamas dan Bukit Jalil dikerahkan ke lokasi kejadian banjir kilat.

“Sehingga pukul 7.30 malam, air mula surut dan keadaan di ibu negara pulih seperti biasa. Tiada mangsa serta kemalangan jiwa dilaporkan dan anggaran kerugian masih dalam siasatan,” katanya.

KPDNKK
pantau
barang
kejatuh

SELAMA – Kerajaan Dalam Negeri, KPDNKK akan memantau berikutan berbanding dolar Amerika. Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, berikutan wang ringgit, pemerintah untuk menerima kenderaan import.

“Kita kena faham wang dan kesan hadap harga barangan import bukan disebabkan kedudukan politik semasa dalam negara tetapi ditentukan kedudukan ekonomi dunia,” katanya ketika pemberita selepas merasmikan kempen kesedaran keselamatan di sebuah stesen minyak di sini semalam.